

## LAMPIRAN

**SOALAN LAZIM BERKAITAN KESAN PERISYTIHARAN SEKSYEN 498 KANUN KESEKSAAN [AKTA 574]  
SEBAGAI TIDAK BERPELEMBAGAAN KE ATAS PENGURUSAN KES TATATERTIB**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	<p>Pegawai sedang dalam tindakan tatatertib atas kesalahan tatakelakuan menjalinkan hubungan sulit dengan isteri orang yang mana kesalahan tersebut telah dilaporkan terus ke Unit Integriti dan <b>bukan berpunca daripada sabitan di bawah seksyen 498 Kanun Keseksaan [Akta 574]</b>. Adakah kes tatatertib pegawai boleh diteruskan dan tidak perlu ditarik balik sepertimana surat edaran ini?</p>	<p>Ya, kes tatatertib <b>boleh diteruskan</b>. Hal ini kerana keputusan Mahkamah Persekutuan pada 15 Disember 2023 melibatkan suatu kesalahan jenayah yang diperuntukkan di bawah Akta 574 dan ia perlu dibezakan dengan kesalahan-kesalahan tatatertib yang diperuntukkan di bawah Bahagian II, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [<i>P.U.(A) 395/1993</i>].</p> <p>Di bawah P.U. (A) 395/1993, Pihak Berkuasa Tatatertib ("PBTT") mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman tatatertib berdasarkan tatakelakuan pegawai awam dalam perkhidmatan awam. Dalam hal ini, kesalahan jenayah dan kesalahan tatatertib masing-masingnya melibatkan dua jenis prosiding yang berbeza iaitu prosiding jenayah di mahkamah dan prosiding tatatertib oleh PBTT.</p>
2.	<p>Apakah tafsiran "memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam" dalam konteks melakukan hubungan sulit? Sebagai contoh, kes seperti hubungan sulit antara seorang pegawai awam dengan pelanggannya, walaupun tidak ditularkan dan hanya diketahui oleh Ketua Jabatan adalah ditafsirkan sebagai perbuatan "memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam".</p>	<p>Apa-apa perlakuan yang tidak bermoral boleh menjadi asas kepada sesuatu kesalahan tatatertib bagi maksud perenggan 4(2)(d) P.U. (A) 395/1993 iaitu memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.</p> <p>Dalam hal ini, takrifan hubungan sulit bagi maksud tindakan tatatertib menurut perenggan 4(2)(d) P.U. (A) 395/1993 adalah bergantung kepada <i>case by case basis</i>. Berkenaan dengan kes hubungan sulit antara pegawai dengan</p>

**LAMPIRAN**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
		<p>pelanggan yang tidak tular dan hanya diketahui oleh Ketua Jabatan, tindakan tatatertib boleh diteruskan sekiranya PBTT dapat membuktikan hubungan sulit tersebut terjumlah sebagai perlakuan tidak bermoral.</p> <p>Bagi maksud konteks melakukan hubungan sulit, tafsiran “memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam” adalah terjumlah sebagai melakukan perbuatan yang tidak bermoral sama ada diketahui secara umum ataupun tidak.</p> <p>Sebagai contoh, Ketua Jabatan telah menerima aduan berkenaan dengan hubungan sulit pegawai awam yang berdua-duaan dan melakukan perkara tidak bermoral di pejabat. Ketua Jabatan boleh memulakan tindakan tatatertib ke atas pegawai walaupun kes tersebut tidak diketahui umum kerana perlakuan itu melanggar tatakelakuan sebagai seorang pegawai awam.</p> <p>Selain itu, pegawai awam seharusnya menjadi contoh dan teladan serta tidak seharusnya melakukan hubungan sulit walaupun tidak diketahui secara umum kerana ia merupakan perlakuan yang tidak bermoral.</p>
3.	Sekiranya hubungan sulit antara pegawai awam yang telah berkahwin berlaku, apakah tindakan yang boleh diambil oleh Ketua Jabatan sekiranya menerima aduan daripada pasangan atau pihak ketiga?	Ketua Jabatan hendaklah melakukan siasatan bagi memastikan kesahan kes tersebut dan sekiranya berdasarkan bukti didapati bahawa hubungan sulit berkenaan terjumlah kepada perbuatan yang tidak bermoral dan mencemarkan nama perkhidmatan awam, tindakan tatatertib boleh diambil. Sebagai contoh, pegawai awam

**LAMPIRAN**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
		<p>didapati berkucupan di dalam lif atau bertukar-tukar gambar lucah dan apa-apa perbuatan lain yang tidak bermoral.</p> <p>Dalam hal ini juga, Ketua Jabatan boleh menasihati pengadu untuk merujuk kes tersebut kepada pejabat agama atau boleh merujuk kedua-dua pegawai tersebut kepada Pegawai Psikologi Jabatan masing-masing untuk diberikan perkhidmatan kaunseling, mengikut mana-mana yang berkenaan.</p>
4.	<p>Apakah bentuk pertuduhan tatatertib yang sesuai bagi kesalahan menjalinkan hubungan sulit untuk mengelakkan ungkapan yang hampir sama dengan ungkapan dalam kesalahan jenayah di bawah seksyen 498 Akta 574?</p>	<p>Contoh pertuduhan tatatertib adalah seperti yang berikut:</p> <p>“Bahawa tuan, Encik Ali bin Abi (No. Kad Pengenalan: 780502-00-0001), Pembantu Operasi Gred N11 semasa bertugas di Bahagian X, Kementerian Y (yang telah berkahwin) didapati telah melakukan kesalahan yang boleh mencemarkan nama perkhidmatan awam pada (tarikh atautempoh hubungan) kerana telah menjalinkan hubungan sulit dengan Puan Esah binti Eden (No. Kad Pengenalan), (Jawatan) (Gred) semasa bertugas di Bahagian X, Kementerian Y (yang juga telah berkahwin) berdasarkan kepada: .....(sila masukkan pernyataan fakta dan bukti yang menunjukkan wujud kesalahan “menjalinkan hubungan sulit”).</p> <p>Perbuatan tuan itu adalah bertentangan dengan perenggan 4(2)(d) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993] yang memperuntukkan seperti yang berikut:</p> <p>4. (2) Seseorang pegawai tidak boleh –</p>

**LAMPIRAN**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
		<p>...            (d) berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.”            ...”</p>
5.	<p>Sekiranya terdapat aduan terhadap seseorang pegawai lelaki bukan Islam yang menjalin hubungan sulit dengan isteri orang yang beragama Islam, adakah tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pegawai lelaki berkenaan?</p>	<p>Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai awam lelaki bukan Islam yang telah menjalin hubungan sulit dengan isteri orang yang beragama Islam menurut perenggan 4(2)(d) P.U. (A) 395/1993 iaitu berkelakuan dengan sedemikian cara hingga mencemarkan nama perkhidmatan awam. Dalam hal ini, pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadap pegawai awam tersebut tidak boleh mengandungi sebarang elemen atau ungkapan yang membuat rujukan kepada gender tertentu.</p> <p>Walaupun pegawai bukan beragama Islam dan tidak dituduh dengan pertuduhan jenayah dan tidak pernah disabitkan dengan mana-mana kesalahan di Mahkamah, ia tidak menghalang PBTT untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai sekiranya terdapat bukti bahawa kelakuan tersebut telah memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam sepertimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 4(2)(d) P.U. (A) 395/1993.</p>

## LAMPIRAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6.	Sekiranya pegawai sedang ditahan kerja/ digantung kerja susulan daripada dakwaan atau sabitan di bawah seksyen 498 Akta 574, adakah PBTT perlu mengeluarkan surat pemakluman penamatan Perintah Tahan Kerja/Gantung Kerja?	<p>Ya. PBTT hendaklah mengeluarkan surat pemakluman untuk menamatkan Perintah Tahan Kerja/ Gantung Kerja kepada pegawai memandangkan Mahkamah Persekutuan melalui kes <i>Lai Hen Beng v. Public Prosecutor [Civil Reference No.: 06(RJ)/-3-04/2023(B)]</i> telah memutuskan seksyen 498 Akta 574 sebagai tidak berperlembagaan. Dari segi pendakwaan, semua kes yang sedang dibicarakan di bawah seksyen 498 akan ditarik balik dan kertas siasatan berkaitan akan ditutup. Dalam hal ini, PBTT yang berkenaan hendaklah membuat semakan dengan pihak Mahkamah bagi setiap kes yang berkaitan sebelum bersidang bagi memutuskan penamatan Perintah Tahan Kerja/Gantung Kerja terhadap pegawai yang terlibat.</p> <p>Walau bagaimanapun, tindakan tatatertib masih boleh diambil terhadap pegawai awam tersebut di bawah perenggan 4(2)(d) P.U. (A) 395/1993 iaitu sekiranya tatakelakuan tersebut <b>memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam</b> dan Ketua Jabatan hendaklah melakukan siasatan bagi memastikan kesahan kes tersebut sebelum tindakan tatatertib diambil menurut perenggan 4(2)(d) P.U. (A) 395/1993.</p> <p>Ini kerana keputusan Mahkamah Persekutuan pada 15 Disember 2023 melibatkan suatu kesalahan jenayah yang diperuntukkan di bawah Akta 574 dan ia perlu dibezakan dengan kesalahan-kesalahan tatatertib yang diperuntukkan di bawah Bahagian II, P.U.(A) 395/1993.</p>

**LAMPIRAN**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
		Di bawah P.U. (A) 395/1993, PBTT mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman tatatertib berdasarkan tatakelakuan pegawai awam dalam perkhidmatan awam. Dalam hal ini, kesalahan jenayah dan kesalahan tatatertib masing-masingnya melibatkan dua jenis prosiding yang berbeza iaitu prosiding jenayah di mahkamah dan prosiding tatatertib oleh PBTT.
7.	Sekiranya pegawai telah disabitkan kesalahan di bawah seksyen 498 Akta 574 dan Lembaga Tatatertib telah memutuskan pegawai bersalah dan dikenakan hukuman tatatertib sebelum tarikh surat edaran Jabatan ini bertarikh 17 September 2024 (JPA.100-1/4/2(34)), adakah keputusan Lembaga Tatatertib tersebut boleh ditarik balik?	Apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib yang diputuskan sebelum tarikh surat edaran Jabatan ini adalah sah dan muktamad. Walau bagaimanapun, Pegawai boleh mengemukakan rayuan ke Lembaga Rayuan Tatatertib atau memfailkan semakan kehakiman di mahkamah.
8.	Dengan edaran surat edaran ini, apakah status prosiding tatatertib terhadap pegawai yang masih dalam tindakan jika tindakan tatatertib tersebut diambil berdasarkan sabitan di bawah seksyen 498 Akta 574 yang diputuskan oleh mahkamah sebelum 15 Disember 2023?	Prosiding tatatertib berkenaan hendaklah dihentikan.
9.	Adakah pegawai yang sedang dalam tindakan tatatertib akibat sabitan di bawah seksyen 498 Akta 574 masih boleh diperakukan untuk urusan kenaikan pangkat?	Memandangkan tindakan tatatertib Pegawai hendaklah dihentikan dan ditarik balik berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 15 Disember 2023, semua urusan perkhidmatan pegawai termasuk urusan kenaikan pangkat adalah layak untuk diperaku oleh Ketua Jabatan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat untuk diberi pertimbangan sewajarnya.
10.	Selepas 15 Disember 2023, sekiranya tindakan tatatertib bagi kes hubungan sulit telah diambil ke atas pegawai dengan pertuduhan yang merujuk kepada ungkapan yang hampir sama dengan seksyen	Sekiranya surat pertuduhan telah disampaikan kepada pegawai yang dikatakan mengandungi pertuduhan yang menyamai peruntukan dalam seksyen 498 Akta 574,

**LAMPIRAN**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
	498 Akta 574 iaitu masing-masingnya mempunyai ungkapan “wanita yang telah berkahwin” dan “isteri kepada lelaki lain” ( <i>wife of any other man</i> ), apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pertuduhan tersebut?	tindakan tersebut hendaklah dihentikan dan ditarik balik.
11.	Sekiranya pegawai telah disabitkan kesalahan menurut undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri yang berkenaan, adakah tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pegawai awam tersebut?	Sekiranya peruntukan di bawah undang-undang kesalahan jenayah syariah tersebut mempunyai ungkapan hampir sama atau mempunyai kesan yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 498 Akta 574, tindakan tatatertib terhadap pegawai awam tersebut boleh diambil kerana Mahkamah Persekutuan (setakat ini) hanya memutuskan seksyen 498 Akta 574 sahaja yang tidak berperlembagaan.
12.	Adakah semua poster yang merujuk kepada seksyen 498 perlu ditarik balik?	Ya. Semua poster yang merujuk kepada seksyen 498 hendaklah ditarik balik. Walau bagaimanapun, apa-apa poster yang dibuat berhubung dengan larangan melakukan hubungan sulit adalah dibenarkan, namun hendaklah <b>tidak</b> menyatakan gender tertentu.

Disediakan oleh:

**Bahagian Perkhidmatan, JPA**

17 September 2024